

Malaysia-Turkiye bincang pelaburan, pertahanan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan secara maya dengan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan bagi membincangkan pelbagai perkara termasuk pelaburan dan isu-isu pertahanan membabitkan kedua-dua negara.

Menerusi pertemuan maya malam kelmarin itu, Erdogan memberi komitmen untuk berkunjung ke Malaysia dalam masa terdekat dan berjumpa secara bersemuka dengan Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York bulan depan.

“Saya turut mengulangi komitmen pelaburan Malaysia Airport Holding Bhd. sebanyak

£200 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen (ISGIA).

“Untuk itu, Batik Air terpilih sebagai operator untuk laluan KUL-ISG. Dijangka penerbangan Batik Air bermula pada Oktober ini,” kata beliau di Facebook semalam. Turut menyertai perbincangan tersebut Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd. Kadir.

Anwar berkata, kerjasama mengenai pertahanan turut dibincangkan selepas Agensi Industri Pertahanan Turkiye (SSB) menghantar delegasi yang besar untuk menyertai Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) baru-baru ini.

“Saya kagum dengan kemajuan teknologi pertahanan Turkiye dan yakin Malaysia bakal mendapat manfaat besar hasil



ANWAR Ibrahim ketika mengadakan pertemuan secara maya bersama Recep Tayyip Erdogan dan turut disertai Zambry Abd. Kadir malam kelmarin.

kerjasama Malaysia-Turkiye. Saya bersetuju secara prinsip untuk memuktamadkan me-

morandum persefahaman dalam kerjasama pertahanan pada masa yang terdekat,” katanya.